



27 September 2022
27 September 2022
P.U. (A) 303

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) (KERUGIAN LARASAN DARIPADA
AKTIVITI PENYAHTAULIAHAN MEDAN MINYAK ATAU GAS)
(KONTRAK PERKONGSIAN PENGELUARAN
LATE-LIFE ASSETS) 2022

*PETROLEUM (INCOME TAX)
(ADJUSTED LOSS FROM OIL OR GAS FIELD
DECOMMISSIONING ACTIVITY) (LATE-LIFE ASSETS
PRODUCTION SHARING CONTRACT)
REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)
(KERUGIAN LARASAN DARIPADA AKTIVITI PENYAHTAULIAHAN MEDAN MINYAK ATAU GAS)
(KONTRAK PERKONGSIAN PENGELUARAN *LATE-LIFE ASSETS*) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Kerugian Larasan daripada Aktiviti Penyahtauliahkan Medan Minyak atau Gas) (Kontrak Perkongsian Pengeluaran *Late-Life Assets*) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi orang yang boleh dikenakan cukai yang menandatangani suatu kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets* dalam tempoh dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2029.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“aktiviti penyahtauliahkan medan minyak atau gas” ertinya aktiviti penyingkiran, peninggalan dan pengabaian fasiliti petroleum yang tidak digunakan atau tidak lagi diperlukan untuk operasi petroleum seperti yang diluluskan oleh Petroliam Nasional Berhad, dengan mengambil kira piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh organisasi yang kompeten dan diterima umum;

“kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliah medan minyak atau gas” ertinya apa-apa amaun kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliah medan minyak atau gas bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 19 Akta;

“medan minyak atau gas *brownfield*” ertinya suatu medan minyak atau gas yang pernah dibangunkan dan telah mencapai tahap puncak kadar pengeluaran minyak atau gas.

Late-Life Assets

4. Menteri boleh menentukan suatu projek sebagai projek *Late-Life Assets* iaitu suatu medan minyak atau gas *brownfield* dan mempunyai jangka hayat ekonomi tidak melebihi sepuluh tahun bermula dari tahun sesuatu kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets* itu ditandatangani.

Pendapatan boleh taksir

5. (1) Dalam menentukan pendapatan boleh taksir orang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleumnya berhubung dengan kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets* dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan kepada orang yang boleh dikenakan cukai itu atas apa-apa amaun kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliah medan minyak atau gas.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliah medan minyak atau gas yang disebut dalam subperaturan itu hendaklah dibenarkan sebagai potongan seperti berikut:

(a) pertama, dalam menentukan pendapatan boleh taksir orang itu bagi suatu tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran yang kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliah medan minyak atau gas itu ditentukan di bawah seksyen 19 Akta; dan

(b) kedua, apa-apa baki kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliahahan medan minyak atau gas selepas potongan di bawah perenggan (a) hendaklah digunakan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan boleh taksir orang itu bagi tahun taksiran kedua sebaik sebelum tahun taksiran yang kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliahahan medan minyak atau gas itu ditentukan.

(3) Apa-apa amaun kerugian larasan daripada aktiviti penyahtauliahahan medan minyak atau gas yang disebut dalam subperaturan (1) dan (2) yang tidak digunakan bagi maksud subperaturan itu hendaklah diabaikan bagi maksud Akta.

Dibuat 26 September 2022

[MOF.TAX(S) 700-3/1/755; LHDN.AY.A.600-21/1/7 (29)-81; PN(PU2)474/IV]

DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

PETROLEUM (INCOME TAX) (ADJUSTED LOSS FROM OIL OR GAS FIELD
DECOMMISSIONING ACTIVITY) (LATE-LIFE ASSETS PRODUCTION SHARING
CONTRACT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 22A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [Act 543], the Director General makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Petroleum (Income Tax) (Adjusted Loss from Oil or Gas Field Decommissioning Activity) (Late-Life Assets Production Sharing Contract) Regulations 2022**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 January 2020.

Application

2. These Regulations shall apply to a chargeable person who has signed a Late-Life Assets production sharing contract within the period from 1 January 2020 to 31 December 2029.

Interpretation

3. In these Regulations—

“oil or gas field decommissioning activity” means removal, leave and abandonment activity of a petroleum facility which is disused or no longer needed for petroleum operations as approved by Petroliaam Nasional Berhad, taking into account the international standard specified by a competent organisation and generally accepted;

“adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity” means any amount of adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity for the basis period for a year of assessment as ascertained under section 19 of the Act;

“brownfield oil or gas field” means an oil or gas field that has been developed and has reached a peak level of oil or gas production rate.

Late-Life Assets

4. The Minister may determine a project as a Late-Life Assets project which is a brownfield oil or gas field and has an economic lifespan not exceeding ten years commencing from the year a Late-Life Assets production sharing contract is signed.

Assessable income

5. (1) In ascertaining the assessable income of a chargeable person from his petroleum operation in relation to Late-Life Assets production sharing contract in a basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed to the chargeable person on any amount of adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity.

(2) For the purpose of subregulation (1), the adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity referred to in that subregulation shall be allowed as deduction as follows:

- (a) firstly, in ascertaining the assessable income of that person for a year of assessment immediately preceding the year of assessment where the adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity is ascertained under section 19 of the Act; and
- (b) secondly, any balance of the adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity after deduction under paragraph (a) shall be utilised as deduction in ascertaining the assessable income of that person for the second year of assessment immediately preceding the year of assessment where the adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity is ascertained.

(3) Any amount of adjusted loss from oil or gas field decommissioning activity referred to in subregulations (1) and (2) which is not utilised for the purpose of those subregulations shall be disregarded for the purpose of the Act.

Made 26 September 2022

[MOF.TAX(S) 700-3/1/755; LHDN.AY.A.600-21/1/7 (29)-81; PN(PU2)474/IV]

DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI
Director General of Inland Revenue